



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SABAH**

Aras Bawah, 6 & 7, Wisma Perindustrian
Jalan Istiadat-Likas
Beg Berkunci 2053
88594 KOTA KINABALU
SABAH

Tel: 088-324800
Faks: 088-210828
Laman Web: <http://portalpp.anm.gov.my/kotakinabalu>

Ruj. Kami : ANM (G) SBH.19 (10)
Tarikh : 9 Ogos 2019

Semua Pusat Tanggungjawab
JANM Negeri Sabah

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGOSONGAN AKAUN PENYELESAIAN GAJI L1311903 (SUMBANGAN
BADAN BERKANUN**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan semua akaun penyelesaian gaji hendaklah berbaki kosong sebelum penutupan akaun setiap bulan. Salah satu akaun penyelesaian gaji adalah kod akaun L1311903 iaitu Akaun Penyelesaian Sumbangan Badan Berkanun. Oleh yang demikian semua pusat tanggungjawab hendaklah sentiasa menyemak dan memastikan kod akaun penyelesaian gaji ini berbaki kosong sebelum setiap penutupan akaun bulanan.

3. Salah satu cara bagi memastikan kod akaun L1311903 berbaki kosong setiap bulan adalah dengan mewajibkan semua PSH dibayar melalui sistem payroll HCM. Bagi PTJ yang membayar PSH melalui baucer bayaran, sila dapatkan surat kelulusan daripada JANM Negeri Sabah terlebih dahulu dan catatkan no. ruj surat kelulusan dalam baucer bayaran tersebut.

4. Bagi PTJ yang membayar gaji melalui baucer berasingan dan melibatkan caruman KWSP, pembayaran kepada KWSP untuk bulan semasa hendaklah diselesaikan sehingga Perakuan 2 sebelum 26hb setiap bulan untuk memastikan baki akaun penyelesaian gaji kosong sebelum penutupan akaun bulanan. Sila patuhi tatacara pembayaran seperti di Lampiran A.

5. Arahan ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini ditandatangani. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,


(JOSEPHINE SHERILYN JOE LIEW APOK C.A.(M))

Ketua Pengolong Pengarah Operasi
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Sabah

ivy/unitgaji

TATACARA PEMBAYARAN CARUMAN KWSP

Bil	Tanggungjawab PTJ
1.	i) Penyedia sediakan baucer bayaran gaji melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerjaan Modul Pendapatan Bercukai. ii) Penyedia simpan dan dapatkan no. dokumen baucer bayaran tersebut untuk dicatatkan pada baucer bayaran KWSP.
2.	i) Penyedia sediakan baucer bayaran KWSP melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan Modul Caruman KWSP. ii) Penyedia simpan dan dapatkan no dokumen baucer bayaran KWSP tersebut untuk dicatatkan pada baucer bayaran gaji.
3	Peraku 1 membuat catatan no. baucer KWSP dalam baucer Pendapatan Bercukai sebelum membuat perakuan.
4	Peraku 1 membuat catatan no. baucer pendapatan bercukai yang terlibat (boleh lebih daripada 1) dalam baucer Caruman KWSP sebelum membuat perakuan.
5	Peraku 2 membuat perakuan 2 ke atas baucer-baucer yang telah disemak oleh pejabat perakaunan
6	Setelah baucer KWSP mempunyai no EFT, sila hantar Borang A secara online kepada pihak KWSP untuk tujuan perakaunan caruman di peringkat KWSP
7	PTJ dikehendaki sentiasa menyemak baki akaun L1311903 melalui Laporan – Laporan Aset /Liabiliti – masukkan kod akaun L1311903 dan pastikan baki akaun berbaki kosong sebelum penutupan akaun bulanan